

24 MAR 1996

Agong-parlimen

AGONG RASMI SIDANG PARLIMEN KE-9 ESOK

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar akan merasmikan persidangan Parlimen ke-9 penggal kedua esok.

Persidangan itu akan berlangsung sehingga 16 Mei.

Pada mesyuarat kali ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka membentangkan laporan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Mesyuarat kali ini akan membentangkan lapan rang undang-undang bagi bacaan kali kedua.

Rang undang-undang itu ialah Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1995, Rang Undang-undang Pampasan Pekerja (Pindaan) 1995, Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995, Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995.

Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 1995, Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan dan Berkelompok) (Pindaan) 1995, Rang Undang-undang Standard Malaysia 1995 dan Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 1995.

Dua rang undang-undang yang akan dibentangkan bagi bacaan pertama ialah Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1996 dan Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1996.

Persidangan Dewan Negara pula dijangka bermula pada 14 Mei hingga 10 Jun. -- BERNAMA

NZ AKD